

Langkah pemberian wang wajar jadi contoh

- 6 DEC 1990 3. Harian (M)

LANGKAH Malaysia menyediakan hadiah wang tunai selain pingat kepada pemenang Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara berakhir esok, mendapat pujian pengurus-pengurus negara peserta.

Pengurus Jerman, Arief Suryano, berkata Malaysia mendahului dalam menyediakan hadiah wang tunai di samping pingat kepada pemenang kejuaraan.

Katanya, langkah Malaysia boleh dicontohi oleh negara lain yang menjadi penganjur kejuaraan jika mereka mempunyai peruntukan secukupnya.

"Saya kira ia amat baik dan mula menampakkan bahawa kejuaraan

silat itu menjadi satu sukan profesional. Ia mungkin menarik lebih banyak negara bagi menyertai kejuaraan silat nanti jika hadiah seumpama ini diteruskan," katanya.

Juara Terbuka Malaysia akan menerima \$500, tempat kedua \$300 dan dua pemenang ketiga masing-masing \$150 di samping pingat emas, perak dan gangsa.

Juara silat seni akan menerima \$450, kedua \$300 dan ketiga \$150 di samping pingat.

Pegawai Brunei, Fendee Haji Fadzil, berkata hadiah kewangan amat wajar diadakan jika penganjur mampu, sekurang-kurang pesi-

lat yang menang akan terus meningkat persembahan.

"Saya memuji langkah Malaysia memberi hadiah wang tunai dan Brunei sedia mengkaji cara ini jika menjadi tuan rumah nanti," katanya.

Pengurus Austria, Ursela Feig, turut bersetuju jika hadiah kewangan itu dapat dikekalkan oleh setiap penganjur kejuaraan lain nanti.

"Walaupun ia ada yang menganggap kecil, tetapi cukup lumayan. Barangkali, jika hadiah itu dikekalkan kemungkinan ia akan lebih besar dan kejuaraan silat akan menjadi lebih profesional lagi pada masa depan," katanya.

Malaysia B muncul juara bahagian seni

- 6 DEC 1990 3. Harian (M)

MALAYSIA B menjuarai acara silat seni apabila mencatat 74 mata bagi mengetepikan lima pencabar pada Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, malam tadi.

Brunei menduduki tempat kedua dengan 68 mata, manakala Indonesia di tangga ketiga mengutip 67.75 mata, Malaysia A (63.5), Singapura (62.25) dan Australia 45.25 mata.

Malaysia B diwakili oleh Mohamad Osman bagi persembahan seni, Anuar Ahmad dan Azri Zainal bagi pukulan tangan kosong, manakala Abdul Ghafar Abdul Majid dan Zulkarnain Awang mempamer kehebatan bermain senjata keris.

Keghairahan Abdul Ghafar dan Zulkarnain mengatur langkah dan melepas tikaman 'membabi buta' antara

satu sama lain menjadikan Stadium Negara hingar bingar dengan jeritan dan tepukan kira-kira 2,000 penonton.

Persembahan Awang Hamidon Osman dan Awang Jaludin Dullah bermain senjata badik juga turut menakutkan penonton. Ini kerana keadaan kedua-dua pesilat itu seakan tidak sedarkan diri apabila bertempur.

Lebih menakutkan apabila tikaman Awang Hamidon hampir mengoyak kepala Awang Jaludin yang terbaring dilantai. Tetapi, ketangkasannya mengelak serangan itu membuat badik Awang Hamidon tercacak di lantai.

Seawalnya, persembahan seni skuad Brunei oleh Awang Shahmidon Ibrahim agak lembab, sebelum Awang Fainalman Bidin dan Awang Azmi Omar

bergasak dengan pukulan tangan kosong.

Gaya persembahan skuad Indonesia terdiri dari Rahmat, Reza Roni Karamoy, Gajah Anggoro, Harido Achmad dan Suwarjo begitu hambar dan gagal mempamer kehebatan gerakan silat tanah Jawa yang sebenar.

Skuad Malaysia B menerima hadiah wang tunai \$450 berserta pingat emas, Brunei \$300 (pingat perak) dan Indonesia mendapat \$150 dengan pingat gangsa.

Malam tadi, menyaksikan skuad Malaysia A iaitu juara silat seni dunia '87 kecundang kepada di tempat keempat.

Persembahan mereka tidak begitu kemas dalam acara pukulan tangan kosong, di mana kedua-dua pesilat lebih mempamer gaya akrobatik.